

Aktiviti pendidikan sepanjang minggu



PEMENANG hadiah utama Lee Bao En dari Universiti UCSI (depan, tengah), tempat kedua Shazmin Hashim Zainol (depan, dua, kanan) dari Universiti Teknologi Mara Shah Alam dan tempat ketiga Ter Mei Ching dari Kolej EMSOD Kuala Lumpur (depan, dua, kiri) bergambar kenangan bersama barisan juri dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Airasia Berhad Aileen Omar (belakang, tiga, kanan) pada 'AirAsia Runway Ready Designer Search 2015' sempena Minggu Fesyen Kuala Lumpur pada 16 Ogos lalu. — Bernama



KETUA Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Ahmad Ishak (empat, kanan) menghulurkan buah-buahan tempatan kepada pelajar-pelajar pada majlis perasmian Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan peringkat Sekolah-sekolah Negeri Kedah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Khir Johari pada 13 Ogos lalu. Pada program itu durian menjadi antara buah yang paling digemari pelajar sekolah. Selain durian, Fama turut menyediakan pelbagai buah-buahan tempatan termasuk manggis, rambutan, langsung, pisang, tembikai dan tembikai susu. — Bernama



TIMBALAN Menteri Pendidikan I Datuk Mary Yap Kain Ching menyampaikan replika cek berjumlah RM19,000 dan piala kepada Politeknik Muadzam Shah (PMS) selepas muncul johan dalam pertandingan Inovasi Proton Politeknik 2015 sempena Majlis Penutup Minggu Pendidikan Tinggi Malaysia 2015 pada 16 Ogos lalu. Projek inovasi kereta Proton itu diberi nama 'Telson'. — Bernama



KETUA Pemuda Pergerakan Pemuda MIC Kebangsaan C Sivarraajah menunjukkan lapar edisi buku yang diagihkan kepada 524 buah Sekolah Rendah Tamil seluruh negara selepas melancarkan Program 'English Is Easy', 14 Ogos lalu. — Bernama



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Idris Jusoh (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen persefahaman di antara Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan Pengurus Besar Rohde & Schwarz Malaysia Sdn Bhd sempena 'Higher Education Week 2015' di Kementerian Pendidikan Tinggi pada 13 Ogos lalu. Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap Kain Ching (tiga,kanan). — Bernama